

06/11/2003

Pemimpin berdendam jadikan parti politik saluran fitnah

IMAM al-Ghazali pernah menyatakan bahawa hati yang bersih umpama cermin yang tidak dicemari kotoran dan debu, dapat menerima pancaran cahaya dan memancarkan kembali ke arah lain. Dengan itu, ia dapat menerangi kawasan yang gelap. Hati yang kotor seperti cermin yang kotor dan diliputi debu, tidak akan menerima dan memancarkan cahaya untuk menerangi kegelapan.

Cahaya yang dimaksudkan ialah petunjuk Allah ke arah kebenaran dan kebaikan. Petunjuk Allah tidak akan terpancar ke arah hati yang kotor. Hati yang dipenuhi dendam kesumat, riak, takbur, sombong dan sifat mazmumah lain yang sukar mendapat hidayah Allah di dalam keadaan biasa, melainkan jika Allah menghendaknya, justeru tiada apa pun yang dapat menghalang kehendak Allah.

Hati yang bersih terbentuk daripada minda yang bersih. Menurut Imam al-Ghazali, akal adalah penasihat hati. Jika tidak dipengaruhi nafsu, ia menjadi penasihat yang baik dan berada di tempat yang dominan dalam diri manusia. Tetapi jika ia lemah dan dikuasai nafsu, ia tidak dapat menghalang hati daripada dicemari kekotoran. Hati yang kotor akan menghasilkan minda dan tingkah laku yang negatif.

Individu yang memiliki hati kotor, mungkin membentuk kumpulan terdiri daripada mereka yang memiliki minda lemah sehingga memiliki hati yang dikuasai nafsu. Sikap dan kelakuan mereka tidak lagi dikawal oleh akal yang waras, sebaliknya ditentukan oleh runtunan nafsu yang mengarah kepada kejahatan. Kumpulan ini akan menyerlahkan sikap buruk mereka menerusi tindakan yang dipenuhi prasangka buruk, niat jahat, dendam dan angkuh sehingga sukar untuk tunduk kepada kebenaran.

Apa juga sistem yang dicipta untuk kebaikan akan tercalar dengan kegiatan negatif kumpulan yang berhati kotor ini. Malah, agama juga turut tercemar oleh golongan yang mendakwa berjuang menegakkannya, tetapi memiliki kepingan hati yang kotor.

Sistem demokrasi adalah sistem paling berkesan pada zaman ini untuk membentuk pemerintahan yang stabil dan adil, berbanding sistem diktator. Tetapi sistem demokrasi juga diancam kacau-bilau dan kepincangan jika ada ahli politik menghayati amalan berpolitik menerusi desakan hati yang kotor.

Di dalam amalan demokrasi yang sebenarnya, kepelbagaian parti politik adalah kepelbagaian saluran mengemukakan pandangan dan dasar untuk menentukan bagaimana cara terbaik sesebuah negara itu ditadbir. Setiap parti mewakili pandangan dan dasar tertentu untuk menjadi pilihan rakyat. Dasar dan pandangan bernas mengenai sesuatu isu dikemukakan untuk pertimbangan rakyat. Ia dikemukakan dengan beradab dan setiap pihak menghormati antara satu sama lain. Tetapi ini hanya berlaku jika demokrasi diamalkan dengan jiwa dan hati yang bersih.

Parti politik akan menjadi saluran untuk bermusuhan, memfitnah dan memaki hamun jika ia dipimpin oleh mereka yang berhati busuk dan dinodai dendam kesumat. Ia menjadi saluran untuk menanamkan kebencian sesama rakyat, berkelahi dan bergaduh untuk menegakkan kefahaman masing-masing.

Untuk mengalahkan lawan, pelbagai taktik kotor digunakan, asalkan boleh mengumpul sokongan yang membawa kemenangan dalam pilihan raya dan beroleh kuasa. Malah, menjatuhkan lawan secara tidak demokratik juga dijadikan pilihan sekiranya berpeluang untuk berbuat demikian.

Negara kita adalah sebuah negara yang berjaya mengamalkan sistem demokrasi. Secara amnya, sistem itu berjaya dilaksanakan dengan berkesan.

Namun, masih banyak pencemaran dan penyelewengan berlaku dalam amalan ahli politik akibat berpolitik yang diarah oleh hati dan minda yang kotor. Satu daripada fenomena pencemaran itu dapat dilihat daripada sikap dan tingkahlaku ahli politik pembangkang terhadap persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, mereka berdoa supaya beliau segera berhenti. Beliau dituduh zalim dan diberikan gelaran Firaun. Beliau dikatakan seorang diktator, walaupun menjawat jawatan itu setelah memenangi pilihan raya dan parti pimpinannya mendapat kerusi majoriti di Dewan Rakyat. Undi yang diperolehnya dan partinya, bertambah dan berkurang setiap kali diadakan pilihan raya.

Pembangkang berusaha menjatuhkannya, menanam kebencian terhadap dirinya dan pengikutnya. Sesiapa yang menyertai partinya (Umno) dianggap kafir. Sesiapa yang mengundi Umno dikatakan masuk neraka. Mereka berdoa dan bersembahyang hajat supaya beliau mati, ditimpa bala dan jatuh tersungkur dari jawatan yang disandangnya, sama seperti jatuhnya diktator lain di seluruh dunia. Namun beliau terus berkuasa sehingga 22 tahun, ketika usianya menjangkau 78 tahun.

Pembangkang sentiasa mengharapkan supaya beliau berhenti. Tetapi ketika beliau mengumumkan untuk meletak jawatan, mereka tidak mahu percaya. Pengumuman itu diterima dengan penuh jahat sangka. Pengumuman itu dikatakan sandiwara terbesar dan Dr Mahathir tidak akan berhenti. Kononnya beliau mahu mati dalam jawatan sebagai seorang diktator yang gila kuasa.

Apabila Dr Mahathir mengakhiri perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri dan jawatan itu bertukar tangan kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Oktober lalu, lain pula cerita mereka. Mereka tidak boleh menafikan keikhlasan Dr Mahathir untuk melepaskan jawatan itu.

Tidak ada bukti beliau gila kuasa. Beliau boleh terus memegang jawatan itu jika mahu. Rakyat masih mengharapkannya. Sumbangannya diakui rakyat. Ahli Umno masih mahu beliau kekal sebagai presiden parti dan Perdana Menteri.

Setelah kebenaran terserlah di depan mata dan bukti kejujuran dan jiwa besar Dr Mahathir tidak dapat dinafikan lagi, mereka mencipta pula khurafat dan kekarutan dengan menyebarkan dakyah bahawa Dr Mahathir berhenti kerana berkat doa Tok Guru mereka. Baru sekarang doa dan sembahyang hajat mereka dimakbulkan Tuhan.

Fenomena hati yang busuk dan dendam kesumat dalam amalan berpolitik seperti ini mencemarkan amalan demokrasi yang sebenar. Alangkah berkesannya amalan demokrasi dalam pembentukan pemerintahan jika ia dihayati dengan hati yang bersih murni. Tidak ada persengketaan, tidak ada kebencian, tidak ada fitnah memfitnah dan semua pihak saling hormat menghormati, walaupun berbeza ideologi politik. Usaha dan kegiatan dijalankan untuk menerangkan dasar dan perjuangan parti dengan beradab untuk dinilai rakyat secara baik dan jujur.

Kita mengharapkan suasana demokrasi menjadi jernih dan orang yang berada di arena politik dapat membersihkan hati mereka. Agama, bangsa dan negara akan bertambah gemilang jika kejujuran, keikhlasan dan kemurnian hati dapat dibina dan dikembangkan dalam masyarakat.